

## PENGUNAAN INTERNET DALAM PENGAJARAN BAHASA: KAJIAN TERHADAP BAHASA ARAB KOMUNIKASI PELANCONGAN

**Rosni Samah**

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

**Abstract:** Teaching aids for teaching Arabic in Malaysia is limited. The objective at the early stage of teaching Arabic is to understand religious knowledge. References for religious books (*kitab*) were imported from the Arab nations. At the national religious schools or religious (Islamic) streaming schools, the teaching was primarily done for communication purposes. Currently, the references are limited to the use of textbooks only. Today, with the development of the tourism industry and with the influx of Arab tourists, the teaching of Arabic has become noticeably easier. Teaching resources can be obtained from the internet by just typing the word 'Arab' using the *yahoo* and *google* search engines. Internet also offers tourism information that is available in this country. Information about tourism in other countries can also be found and can be used as teaching resources. This research will examine the importance of using internet for teaching Arabic through the use of websites that are capable of complementing the teaching of Arabic for the tourism industry.

### PENDAHULUAN

Tujuan kajian ini ialah bagi mengenal pasti sejauh manakah internet dapat membekal bahan-bahan yang sesuai dan berkesan untuk pengajaran bahasa Arab komunikasi pelancongan.

Bagi mendapatkan data, tinjauan dilakukan ke atas beberapa laman web bahasa Arab yang terdapat dalam internet bagi memilih pelbagai laman web yang bersesuaian dengan pengajaran tersebut. Temu bual dengan tokoh-tokoh yang terlibat dalam bidang tersebut juga dijalankan bagi mendapat data tambahan dan pandangan. Turut dijalankan pengedaran borang soal selidik kepada guru-guru dan pelajar-pelajar bahasa Arab di peringkat universiti bagi mendapat respon mereka tentang penggunaan laman web yang boleh membantu dalam pengajaran bahasa tersebut.

Diharapkan kertas ini dapat memperkenalkan laman web yang bersesuaian untuk pengajaran bahasa Arab komunikasi pelancongan dan dapat membantu proses pengajaran bahasa Arab hari ini dalam penyediaan bahan.

### PERMASALAHAN

Pengajaran bahasa Arab pada peringkat awalnya berpusat kepada memahami buku-buku agama. Bahan-bahan pengajaran yang berbentuk buku-buku agama dalam bahasa Arab tersedia dan boleh diperolehi dengan mudah. Kebanyakannya diimport terus daripada negara-negara Arab atau dicetak di Malaysia. Penggunaannya juga meluas dapat membantu pelajar menggunakannya sebagai rujukan. Dalam perkembangan yang lain pengajaran bahasa Arab lebih menumpukan sudut komunikasi yang menekankan sudut persekitaran pelajar supaya mereka boleh berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Arab. Bahan-bahannya disediakan khusus dan dijadikan sukatan pelajarannya. Bahan-bahan tersebut terbatas kepada sukatan yang digubal sahaja (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).

Pengajaran bahasa Arab hari ini memerlukan kepada perubahan yang membolehkan pelajar berkomunikasi bahasa Arab dalam bidang pelancongan supaya dapat memenuhi tuntutan keperluan pelancong Arab. Proses pengajaran ini memerlukan kepada bahan-bahan yang berkisar di sekitar pelancongan. Bahan-bahan tersebut

tidak tersedia di pasaran khususnya di Malaysia. Bagi mencari jalan penyelesaian untuk mendapatkan bahan tersebut internet dengan pelbagai laman webnya diperlukan. Walaupun kebanyakan kandungan web yang terdapat dalam internet tidak menerangkan bidang pelancongan di Malaysia dalam bahasa Arab secara khusus, tetapi bahan ini boleh digunakan dan diubah suai untuk membekalkan bahasa kepada pelajar. Kertas ini cuba melihat sejauh manakah internet dapat menyediakan bahan-bahan tersebut bagi membantu pengajaran bahasa Arab komunikasi pelancongan

Objektif kajian ini juga cuba mencari jawapan bagi permasalahan yang berkisar di sekitar persoalan di bawah:

- Adakah internet dapat membekalkan bahan-bahan pengajaran yang mencukupi dan bersesuaian bagi proses pengajaran?
- Adakah internet dapat membantu dalam penyediaan bahan pengajaran bahasa Arab komunikasi pelancongan?

Bertolak daripada dua soalan di atas kertas ini cuba melihat bahan-bahan internet yang dapat membantu pengajaran dan yang sesuai bagi tujuan tersebut. Bahan-bahan pelancongan dalam bahasa Arab tentang Malaysia terlalu kurang untuk dibekalkan kepada pelajar. Mereka perlu menguasai kosa kata dan ayat dalam laras tersebut untuk membolehkan mereka berkomunikasi dalam bidang tersebut.

## **OBJEKTIF**

Objektif kajian ini ialah bagi melihat tiga perkara seperti di bawah:

- Kemampuan internet dalam membekalkan bahan pengajaran bahasa Arab pelancongan.
- Kepelbagaian web yang boleh digunakan dalam penyediaan bahan pengajaran bahasa Arab komunikasi.
- Ketersediaan bidang-bidang pelancongan yang boleh didapati bahannya melalui internet.

## **METODOLOGI**

Bagi mendapatkan data, kajian ini menggunakan beberapa instrumen seperti tinjauan, temu bual dan borang soal selidik. Tinjauan digunakan bagi melihat laman web yang boleh diguna pakai untuk tujuan pengajaran bahasa Arab pelancongan. Carian dilakukan ke dalam pelbagai laman web bahasa Arab melalui internet bagi melihat web-web yang sesuai untuk dijadikan bahan pengajaran.

Temu bual turut dijalankan kepada tenaga pengajar dan pelajar bahasa Arab bagi mengetahui web yang mereka layari dalam bidang tersebut dan mendapatkan pandangan dan maklum balas berhubung bidang ini. Borang soal selidik juga turut diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar bahasa Arab bagi melihat kekerapan penggunaan bahan dalam bidang ini dan sejauh manakah ia dapat membantu mereka. Turut diperolehi melalui borang ini pandangan dan ulasan mereka terhadap bahan-bahan melalui internet. Melalui penggunaan instrumen di atas data dapat diperolehi bagi menjawab persoalan yang dikemuka.

## **PENGUNAAN BAHAN PENGAJARAN MELALUI INTERNET**

Bahan pengajaran bahasa Arab terlalu terbatas kepada buku teks sahaja. Pelajar sulit untuk mendapatkan bahan bacaan tambahan yang dapat membantu mereka dalam penguasaan bahasa. Mereka hanya berpegang kepada buku teks untuk bacaan,

kepada guru untuk mendengar. Ini disebabkan bahan-bahan bahasa Arab terlalu terbatas di pasaran. Mereka sulit untuk mendapatkan surat khabar, majalah, komik, kartun dan buku-buku bacaan yang lain. Begitu juga sulit bagi mereka untuk menonton filem-filem atau rancangan Arab bagi menambahkan kemahiran mendengar.

Kesulitan mereka boleh diatasi dengan menggunakan internet bagi mendapatkan bahan bacaan dan juga bahan pendengaran. Rancangan Astro juga dapat membantu mereka untuk menonton rancangan-rancangan bahasa Arab. Mereka boleh melayari internet dan memilih web-web bahasa Arab untuk dibaca. Kebiasaannya web-web bahasa Arab ini terdedah dengan pelbagai bentuk bacaan. Begitu juga mereka boleh memilih surat khabar Arab untuk dibaca. Surat khabar ini mempunyai bahasa standart yang perlu dikuasai oleh pelajar. Begitu juga ia mempunyai pelbagai bidang yang boleh membantu pelajar menguasainya. Bidang-bidang yang boleh membantu dalam penguasaan bahasa seperti berita luar negara, berita dalam negara, berita ekonomi, berita politik dalaman, berita sukan, berita cuaca, ruangan pendapat pembaca dan sebagainya. Pelajar yang dapat menguasai bahasa surat khabar merupakan pelajar yang menguasai bahasa Arab standart.

Percubaan belajar bahasa Arab melalui surat khabar daripada internet telahpun dijalankan kepada 125 pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar tahun satu dan dua dari program Sarjana Muda Bahasa Arab Dan Komunikasi, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai. Mereka diberi petikan surat khabar Al Ahram yang diperolehi daripada internet. Petikan tersebut diambil daripada berita luar negara yang berkaitan dengan perhubungan diplomasi antarabangsa. Pada permulaan kelas dijalankan, sebanyak 20 perkataan yang sentiasa digunakan dalam bidang ini dikemukakan kepada mereka untuk menguji kebolehan mereka dalam mengetahui maksudnya. Hasil yang diperolehi hanya 3.0% sahaja yang dapat merambang makna beberapa perkataan tersebut. Itu hanya makna yang hampir dengan makna sebenar. Keseluruhan mereka tidak dapat mengetahui makna sebenar bagi perkataan-perkataan tersebut. Ini berlaku kerana mereka tidak pernah membaca surat khabar Arab, tidak pernah menjumpai perkataan-perkataan tersebut dan terpengaruh dengan makna lama yang dipelajari melalui buku teks.

Selepas lima kali kelas diadakan majoriti mereka dapat menguasai makna perkataan yang selalu berulang dalam ruang berita luar negara. Perkataan yang mereka tidak mengetahui dahulu, telahpun mereka dapat memahaminya. Sebanyak 75% dapat memahami perkataan-perkataan yang sentiasa berulang dalam ruangan tersebut. Ini menunjukkan bahawa bahan tersebut dapat menambahkan bahasa kepada mereka. Peranan internet dalam membekalkan bahan bacaan adalah penting. Pelajar akan dapat membaca pelbagai bahan bagi menambahkan bahasanya.

Aktiviti yang perlu dijalankan ialah dengan melayari pelbagai bahan dan bidang pengetahuan bagi mengumpul kosa kata yang selalu digunakan dalam setiap bidang. Kosa kata tersebut hendaklah dihafal oleh pelajar bagi membekalkan bahasa kepada mereka. Begitu juga ayat-ayat ringkas hendaklah dikumpul dan dihafal bagi memudahkan pelajar menggunakannya di dalam situasi tertentu. Kosa kata dan ayat yang selalu berulang dalam pelbagai bacaan akan dapat meningkatkan pengetahuan bahasa di kalangan pelajar.

### **PENDEKATAN PENGUMPULAN KOSA KATA**

Pembelajaran bahasa Arab hendaklah memberi penumpuan kepada kosa kata yang boleh meningkat dan memperluaskan bahasa pelajar. Kosa kata hendaklah dikumpul dan dibekalkan kepada pelajar, Pengumpulannya dapat dilaksanakan melalui beberapa pendekatan berikut yang perlu ada pada setiap kosa kata.

### 1 - Kekerapan

Dikehendaki dengan pendekatan ini ialah perkataan yang banyak berulang penggunaannya dalam sesuatu teks atau petikan. Ini menunjukkan bahawa perkataan yang banyak berulang itu lebih berkesan digunakan dalam pengajaran bahasa kerana ia dapat digunakan dalam pelbagai situasi. Pengajaran hendaklah memberi tumpuan kepada pengumpulan kosa kata yang mempunyai ciri-ciri tersebut dan memilihnya sebagai bekalan kepada pelajar. Pendekatan pemilihan ini boleh dilaksanakan dalam pengajaran dengan cara memilih kosa kata yang banyak berulang dalam teks dan dikeluarkannya untuk dikuasai oleh pelajar. Kosa kata tersebut akan dapat menambah penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar khususnya apabila ia terdapat dalam setiap bahan bacaan.

### 2 - Bidang Penggunaan

Pendekatan ini ialah memilih perkataan yang banyak berulang dalam pelbagai bidang. Ia bukan sahaja banyak berulang dalam bidangnya sahaja bahkan digunakan dalam pelbagai bidang dengan membawa makna yang berbeza. Perkataan seperti ini akan dapat membantu pelajar menguasai bahasa dengan lebih cepat dan efektif. Untuk mengumpul perkataan seperti ini bahan dan teks pengajaran hendaklah dipelbagaikan supaya dapat merangkumi pelbagai bidang. Pemilihan juga hendaklah mengikut tahap bahasa pelajar. Proses pembelajaran hendaklah memilih sesuatu perkataan yang banyak berulang dalam pelbagai situasi dengan makna yang berbeza seperti perkataan:

Perkataan	Makna
تجول	Melayari
تجول	Bersiar-siar
تجول	meninjau

Pendekatan kedua ini penting bagi menyempurnakan pendekatan pertama yang perlu ada pada kosa kata yang hendak didedahkan kepada pelajar. Penekanan kepada kedua-dua pendekatan ini akan dapat memperkayakan perbendaharaan kata dalam kalangan pelajar.

### 3 - Ketersediaan

Pendekatan ini digunakan bagi memilih perkataan-perkataan yang dapat membantu pelajar untuk mengungkapkannya dalam situasi yang dikehendaki dengan lebih selesa. Perkataan tersebut ialah yang tidak menjadi kesulitan kepada pelajar mengungkapkannya. Ia boleh diungkap secara spontan dalam situasi yang dikehendakinya. Perkataan-perkataan seperti ini mempunyai hubungan rapat dengan situasi persekitaran pelajar dari sudut budaya dan kemasyarakatan seperti perkataan-perkataan yang berkisar di sekitar persekolahan dan kehidupan pelajar. Perkataan yang sentiasa digunakan dalam kehidupan seharian lebih membantu pelajar untuk mengingat dan mengungkapkannya bila diperlukan. Bagi mendapatkan kosa kata seperti ini teks yang digunakan dalam pembelajaran hendaklah tidak asing kepada pelajar dan boleh mencerminkan situasi persekitaran mereka.

### 4 - Kesesuaian Pengajaran

Ini bermaksud perkataan yang mudah dipelajari oleh pelajar. Iaitu perkataan yang tidak menyulitkan pelajar khususnya dari sudut sebutan, makna dan mudah

mengingatinya. Perkataan yang mempunyai tiga sifat ini akan dapat membantu pelajar untuk menguasai bahasa dengan lebih efektif lagi. Menyebut perkataan adalah penting dalam proses pengajaran kerana dengan sebutan ini pelajar akan dapat menggunakannya dalam situasi yang dikehendakinya. Makna juga menjadi faktor utama dalam menguasai bahasa. Tanpa makna bahasa tidak akan tercapai. Perkataan yang mempunyai makna jelas dan mudah akan dapat membantu pelajar untuk menguasai dan menggunakannya. Antara perkataan-perkataan ini ialah perkataan yang kebiasaan didengar oleh pelajar.

Bertolak daripada empat pendekatan yang perlu ada pada setiap kosa kata yang dikumpul menunjukkan pembelajaran hendaklah memberi tumpuan kepada perkataan-perkataan yang mempunyai ciri-ciri tersebut bagi meningkatkan pencapaian bahasa di kalangan pelajar.

### **AKTIVITI PENGUSAHAAN KOSA KATA**

Kosa kata tidak akan dapat dicapai semata-mata pelajar berada dan hadir dalam kelas. Ia memerlukan kepada usaha dan aktiviti yang boleh memberi input yang baik. Pelajar yang berusaha akan dapat menambah bilangan kosa katanya. Pada peringkat permulaan guru hendaklah membimbing pelajar untuk memilih perkataan yang biasa diguna dan selalu berulang dalam teks. Perkataan tersebut hendaklah dihafal bagi memperkayakan kosa kata yang perlu dicapai. Terdapat beberapa aktiviti yang boleh digunakan bagi menguasai kosa kata. Di antaranya ialah:

#### **1 - Pendengaran**

Aktiviti mendengar dapat membantu pembelajaran bahasa bagi meningkatkan penguasaan bahasa di kalangan pelajar. Di peringkat permulaan, pelajar menghadapi masalah dalam mendengar disebabkan oleh banyak perkataan yang tidak difahaminya. Masalah ini akan dapat diatasi dengan adanya usaha untuk menguasai setiap perkataan yang didengarinya dan memperbanyakkan aktiviti mendengar serta mempelbagaikan bahannya. Bantuan guru perlu bagi mengatasi masalah ini. (I.S.P. Nation, 1990: 90)

Pelajar boleh memilih pelbagai bahan yang sesuai untuknya (Zakariyyah Ismail, 1995: 104) seperti melayari internet dan mendengar programnya. Begitu juga pelajar boleh mendengar melalui Astro dengan memilih program yang ringkas dan digemari. Di samping itu juga pelajar boleh mendengar melalui rakaman-rakaman kaset atau CD.

Dari sudut bahan pengisiannya, pelajar hendaklah didedahkan dengan pelbagai rancangan supaya dapat diperluaskan jaringan dan tidak membosankan. Di peringkat permulaan pelajar hendaklah mendengar rancangan-rancangan ringkas dan sentiasa mengikutinya seperti berita ringkas, rencana, ramalan keadaan cuaca, berita sukan, susunan rancangan dan sebagainya.

Selepas pelajar dapat menguasai pendengaran bahan-bahan yang ringkas, guru hendaklah menyediakan bahan-bahan yang lebih tinggi dan luas bidangnya. Dengan adanya aktiviti mendengar yang tersusun seseorang pelajar akan dapat menguasai kosa kata dengan baik, cepat dan efektif di samping cara menyebut huruf, perkataan yang bersambung, nada sebutan dan seumpamanya.

#### **2 - Bacaan**

Melalui bacaan pelbagai bahan pelajar akan dapat mengumpul seberapa banyak perkataan baru yang ditemuinya. Bahan bacaan hendaklah dipelbagaikan bermula

daripada bahan-bahan yang ringkas dan mudah difahami. Kemudian beransur-ansur kepada bahan-bahan yang lebih luas dan besar. Tahap dan gaya bahasa berbeza dengan perbezaan bahan bacaan. Bahan yang tinggi dan luas dapat menyumbang kepada penguasaan bahasa yang baik. (Ahmad Muhammad, 1996: 124) Di antara bahan-bahan bacaan ialah surat khabar harian, majalah, iklan, pempet, buku-buku kecil dan seumpamanya. Buku-buku seperti ini boleh didapati melalui internet.

Di peringkat permulaan pelajar hendaklah didedahkan dengan membaca tajuk-tajuk utama atau berita-berita ringkas. Begitu juga pelajar boleh memilih ruangan yang pendek dan ringkas seperti berita suhu, rancangan radio dan tv dan seumpamanya. Melalui pelbagai bahan bacaan pelajar akan dapat menguasai kosa kata dalam pelbagai bidang dan laras. Ini kerana bahan-bahan tersebut mengandungi berbagai-bagai bidang dan ruangan seperti berita dalam atau luar negara, berita ekonomi, politik, sukan, hiburan fesyen, kereta, iklan, masakan, seni dan seumpamanya. Daripada kepelbagaian ruang dan bidang inilah pelajar akan dapat mengumpul kosa kata dalam berbagai-bagai laras bahasa.

### 3 - Kamus

Proses pembelajaran dengan menggunakan pelbagai kamus bahasa dapat membantu pelajar menguasai kosa kata dengan baik. Pelajar perlu mencatat dan menghafal perkataan yang ditemuinya. Pelajar tidak akan dapat mengetahui makna perkataan baru yang ditemuinya melainkan dengan cara melihat kamus. Guru berperanan dalam membimbing pelajar menggunakan kamus dan menterjemahkan makna mengikut kehendak ayat.

Kamus hendaklah dipelbagaikan dan tidak hanya memadai kepada sesebuah kamus sahaja bagi menambah pelbagai pengetahuan tentang makna perkataan yang dicarinya. Pelajar boleh menggunakan kamus Arab-Melayu sebagai asas utama atau kamus Arab-Inggeris dan kamus Arab-Arab. Di samping itu terdapat juga kamus-kamus yang disusun khusus dalam bidang-bidang tertentu seperti kamus ekonomi, kamus undang-undang, kamus sains, kamus fekah dan sebagainya. Ia dapat membantu pelajar menguasai kosa kata dalam laras bahasanya.

Bagi menguasai Bahasa Arab dengan baik setiap pelajar hendaklah memiliki kamus sendiri. Tanpa kamus pelajar akan menghadapi kesulitan dalam penguasaan kosa kata. Begitu juga pelajar hendaklah membawa kamus persendirian ke dalam kelas. Guru hendaklah meminta pelajar mencari makna sendiri bagi membantu mereka dalam memahami bahan bacaannya.

### 4 - Interaksi

Interaksi dengan menggunakan bahasa Arab seperti pergaulan seharian, pertanyaan, perbincangan dalam kelas dan sebagainya banyak menyumbang kepada penguasaan kosa kata. Operasi pembelajaran dengan menggunakan bahasa Arab dapat membantu penguasaan pelajar. Begitu juga kelas yang berinteraksi bahasa Arab dari dua hala guru dan pelajar lebih membantu dalam penguasaan bahasa Arab.

Dengan adanya interaksi tersebut pelajar akan bertemu dengan perkataan baru yang digunakan oleh orang lain. Perkataan tersebut merupakan bahan baru yang perlu dikuasai oleh pelajar. Penambahan kosa kata akan bertambah melalui interaksi. Ini kerana interaksi sedemikian akan mendedahkan kepada pelajar kosa kata yang baru. Tambahan lagi kosa kata yang ditemui dalam interaksi merupakan kosa kata yang selalu digunakan dalam penggunaan bahasa, khususnya apabila berinteraksi dengan orang yang tahap bahasanya lebih tinggi daripada tahap yang dikuasai oleh pelajar.

Interaksi ini juga dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mempergunakan perkataan yang sedia ada bagi mempertingkatkan lagi kemahiran bahasanya. Di peringkat permulaan guru hendaklah berinteraksi dengan pelajar dengan menggunakan bahasa Arab bagi menggalakkan pelajar berinteraksi sesama mereka.

Empat aktiviti yang diutarakan di atas merupakan cara-cara yang efektif dan mudah dilaksanakan oleh pelajar. Tidak terbatas kepada aktiviti di atas, setiap aktiviti yang boleh membantu pelajar untuk menguasai kosa kata boleh dilaksanakan.

### PEMBINAAN AYAT

Proses pembelajaran bahasa tidak semata-mata berpusat kepada pengumpulan kosa kata sahaja, tetapi hendaklah didedahkan dengan gaya penyusunan dan pembinaan ayat yang lengkap. Semata-mata kosa kata pelajar tidak mampu untuk berkomunikasi. Mereka hanya mampu membaca ayat yang sedia ada dalam teks. Dalam pembinaan ayat pelajar hendaklah didedahkan dengan kaedah membina ayat yang ringkas supaya mereka dapat membentuk ayat dengan baik. Ayat dalam bahasa Arab terbahagi kepada dua kumpulan besar. Pertama ayat yang dimulakan dengan kata kerja. Kedua ayat yang dimulakan dengan kata nama. Pelajar hendaklah didedahkan dengan kaedah membina ayat dan syarat-syarat yang berkaitan supaya ayat yang dibentuknya itu dapat memenuhi kaedah yang betul.

Kaedah membina ayat kata kerja hendaklah dimulai dengan perkataan kata kerja kemudian diikuti dengan kata nama yang melakukan perbuatan tersebut. Contohnya:

قام الطالب  
قام + الطالب  
kata nama + kata kerja

Pelajar boleh menambah perkataan-perkataan lain yang sesuai bagi memanjangkan ayat tersebut. Dalam pembinaan ayat cara piramid boleh digunakan. Iaitu bermula dengan ayat kecil kemudian dilebarkan dengan penambahan perkataan yang sesuai. Contohnya:

قام الطالب  
قام الطالب + فى الفصل  
قام الطالب + النشيط + فى الفصل

Kaedah membina ayat daripada ayat kata nama pula, pelajar hendaklah memilih kata nama untuk dijadikan subjek. Kemudian mencari perkataan untuk dijadikan predikat. Dua perkataan subjek dan predikat ini akan menggambarkan makna yang sempurna. Ayat ini juga boleh dibina mengikut kaedah piramid.

Contohnya:

هو طالب  
هو subjek + طالب predikat  
هو طالب + نشيط  
هو طالب نشيط + فى فصله


Daripada susunan asas ayat ini pelajar mampu membina ayat yang lebih luas dan besar. Perkara yang penting dalam membina ayat ini ialah kosa kata yang boleh disusun untuk menjadi satu ayat dan ia boleh diperkembangkan

### PERSEPSI TENTANG BAHASA ARAB PELANCONGAN MELALUI INTERNET

Bagi mengetahui persepsi kedudukan bahasa Arab pelancongan dalam dunia pendidikan bahasa Arab hari ini, borang soal selidik diedarkan kepada responden yang terdiri daripada tenaga pengajar dan pelajar. Seramai 50 orang responden dipilih. 11 daripada mereka terdiri daripada pensyarah, guru dan tutor bahasa Arab. Baki seramai 39 orang terdiri daripada golongan pelajar.

Majoriti daripada mereka berminat dengan bahasa Arab pelancongan. Seramai 28 orang pelajar menyatakan minat mereka terhadap bahasa tersebut. Keseluruhan 11 orang tenaga pengajar pula berminat dengan bahasa tersebut. Jumlah keseluruhan yang berminat ialah 78%. Lihat rajah di bawah.

**Rajah 1: Minat bahasa Arab Pelancongan.**



Ramai dalam kalangan mereka tidak berpeluang untuk mengajar atau belajar bahasa Arab pelancongan dalam negara. Hanya empat orang pelajar sahaja yang belajar bahasa Arab pelancongan. Manakala 4 orang guru lagi yang berkesempatan mengajar bahasa Arab berhubung dengan pelancongan dalam negara.


Terdapat juga tiga orang pelajar yang berkesempatan belajar bahasa Arab berhubung dengan pelancongan luar negara. Hanya seorang guru sahaja

yang berpeluang mengajar bahasa tersebut.


Dalam proses pembelajaran bahasa Arab melalui internet terdapat 28 orang pelajar yang menjadikan laman web sebagai bahan pembelajaran. Bagi menyediakan bahan pengajaran pula, seramai lapan orang guru yang menjadikan laman web sebagai bahan pengajaran kepada pelajar-pelajarnya. Hasil daripada boring soal selidik menunjukkan bahawa 28% tidak pernah menggunakan internet untuk pembelajaran. Majority 72% menggunakan internet sebagai bahan pembelajaran.

**Rajah 2: Laman web sebagai bahan pengajaran.**

Dari sudut kekerapan melayari web bahasa Arab tentang pelancongan dalam negara pula, hanya 20% yang melayari. Bagi web pelancongan luar negara pula terdapat hanya 12% sahaja yang melayari. Jumlah keseluruhan yang melayari bagi web pelancongan dalam dan luar negara ialah 32% sahaja. Peratusan yang rendah ini berlaku kerana bidang pelancongan tidak mempunyai kaitan dengan subjek pembelajaran mereka.




**Rajah 3: Peratus melayari web pelancongan.**




Bagi memastikan laman web bahasa Arab dalam bidang pelancongan mencukupi untuk bahan pengajaran dan pembelajaran, seramai 30% menyatakan ianya mencukupi. 30% ini mewakili bilangan 32% yang melayari web pelancongan.

**Rajah 4: Laman web mencukupi.**




Maklumat berkaitan bidang pelancongan dapat diperolehi dengan secara menyeluruh yang boleh meliputi bidang-bidang pelancongan, terdapat 30% yang menyatakan ya, ianya tersedia yang boleh diperolehi dengan menyeluruh. Jumlah 30% ini mewakili jumlah 32% yang melayari internet.

**Rajah 5: Web pelancongan dapat diperolehi dengan mudah.**



Berhubung dengan bahan-bahan tersebut mudah dilayari dan tidak menyulitkan, terdapat 58% menyatakan ianya mudah dan senang diperolehi.

**Rajah 6: Web pelancongan mudah dilayari.**



Hasil daripada borang soal selidik menunjukkan bahawa bahasa Arab untuk tujuan pelancongan mendapat respon yang baik. Majoriti daripada responden berminat dengan bahasa tersebut. Namun begitu yang menjadi permasalahan kepada mereka ialah penyediaan bahan. Majoriti mereka berpendapat bahawa ia tidak banyak terdapat dalam internet. Ini kerana mereka sendiri kurang melayari internet untuk tujuan tersebut. Walau bagaimanapun mereka tetap menyatakan bahawa bahan tersebut mudah dilayari melalui internet.

(Sumber: Borang soal elidik)

## **BIDANG PELANCONGAN MELALUI INTERNET**

Pelbagai bidang dan situasi pelancongan hendaklah dikenal pasti dan didedahkan bahannya kepada pelajar bagi memberi pengetahuan bahasa Arab terhadap gambaran dan latar belakang yang tepat. Pengumpulan laras bahasa akan dapat dihasilkan dengan sempurna dan menepati sasaran melalui bahan yang disediakan. Di antara bidang dan situasi yang perlu didedahkan ialah:

- Agensi pelancongan yang menguruskan promosi, tempahan tiket, tempat penginapan, persiapan dan keperluan, pengangkutan, visa, dan urusan keberangkatan ke lapangan terbang.
- Situasi di lapangan terbang dan persekitarannya yang bermula dari ketibaan ke lapangan terbang, urusan di kaunter untuk timbang barang dan dapatkan boarding pas, urusan kaunter kastam, suasana dalam kapal terbang, urusan yang berhubung dengan ketibaan dan suasana di luar lapangan terbang.
- Situasi di pejabat kastam dan urusan yang berkaitan dengannya.
- Situasi perhotelan dan pelbagai situasinya termasuklah pengenalan hotel, kemudahan, kelengkapan dan pengangkutan ke tempat-tempat pelancongan dan lawatan.
- Pengangkutan : kemudahan dan jenis-jenisnya
- Situasi tempat-tempat pelancongan
- Situasi tempat-tempat bersejarah
- Situasi tempat-tempat peranginan dan rekreasi
- Situasi pusat-pusat membeli belah
- Situasi premis-premis restoran dan tempat menjamu selera
- Situasi bank dan pengurusan kewangan
- Situasi pusat-pusat kebudayaan masyarakat tempatan

*(Rosni bin Samah & Zainur Rijal bin Abdul Razak, 2006)*

Laras bahasa bagi setiap bidang di atas hendaklah dibekalkan kepada pelajar supaya mereka dapat menguasainya dengan baik dan boleh memberi penerangan kepada pelancong dengan lebih berkesan. Pelajar perlu menguasai perkataan-perkataan yang selalu digunakan dalam bidang-bidang tersebut dan juga perkataan khusus bagi setiap bidang. (Virginia French Allen, 1993) Misalnya ayat-ayat yang berhubung dengan hotel berbeza dengan ayat-ayat yang berhubung dengan pengangkutan. Laras bahasa atau ayat-ayat bagi setiap bidang di atas boleh didapati melalui bahan-bahan yang disediakan atau pelajar boleh belajar secara sendiri melalui carian di dalam pelbagai web yang tersedia melalui internet.

## **LAMAN WEB PELANCONGAN BAHASA ARAB**

Bahan-bahan rujukan dalam bahasa Arab untuk tujuan pelancongan di Malaysia agak terbatas dan tidak mudah untuk diperolehi seperti bahan-bahan lain yang boleh didapati di kedai-kedai buku. Untuk melancarkan perjalanan pengajaran bahasa Arab untuk tujuan pelancongan ini, bahan-bahan bagi bacaan atau rujukan utama hendaklah disediakan. Bagi memudahkan guru dan juga pelajar, bahan-bahan tersebut boleh diperolehi melalui beberapa laman web yang terdapat dalam internet.

Pada kebiasaannya memanglah sukar untuk mendapatkan bahan-bahan pelancongan

di Malaysia dalam bahasa Arab, tetapi terdapat juga beberapa web yang menyediakan perkhidmatan tersebut. Langkah pertama, guru atau pelajar hendaklah memasuki web utama seperti yahoo atau google. Langkah kedua, mereka hendaklah mencari dengan menaip kata kunci bagi tempat-tempat pelancongan seperti di atas dengan menggunakan bahasa Arab. Beberapa web yang menyediakan bidang tersebut atau yang berhubung dengannya akan terpapar alamatnya di skren. Mereka hanya perlu mencari bahan-bahan yang sesuai dengan bidangnya. Di antara laman utama yang mudah dilayari ialah:

Bil.	Nama laman web di internet	Bidang pelancongan yang berkaitan
1	<a href="http://www.yahoo.com">www.yahoo.com</a>	Pelbagai bidang dalam dan luar negara
2	<a href="http://www.secret.com">www.secret.com</a>	
3	<a href="http://www.google.com">www.google.com</a>	
4	<a href="http://www.friendster.com">www.friendster.com</a>	
5	<a href="http://www.bernama.com">www.bernama.com</a>	

(Sumber: Borang soal selidik)

Malalui web utama ini terdapat web khusus dengan pelancongan di Malaysia dalam bahasa Arab yang boleh membantu guru dan pelajar untuk dijadikan bahan pembelajaran. Di antara yang boleh didapati ialah:

Bil	Laman Web	Bidang Pelancongan yang Berkaitan
1	<a href="http://www.malaysiaarab.com">www.malaysiaarab.com</a>	Penerangan tentang setiap negeri di Malaysia berserta tempat-tempat peranginan dan rekreasi sesuai dan menarik untuk dilawati
2	<a href="http://ahmad465.tripod.com">http://ahmad465.tripod.com</a>	Terdapat ruangan khas untuk penerangan tentang restoran, hotel, pusat membeli belah dan pusat peranginan di Malaysia
3	<a href="http://www.daleel.malaysia.com">www.daleel.malaysia.com</a>	Perhotelan, sistem pengangkutan, tempat hiburan: Terdapat penerangan khas tentang senarai hotel, tempat hiburan dan sistem pengangkutan
4	<a href="http://www.aqareh.com">www.aqareh.com</a>	Promosi melawat Malaysia: Bidang hartanah di Damansara, Cyberjaya dan Bukit Ikhlas serta promosi "Malaysia Rumahku Kedua"
5	<a href="http://www.bernama.com.my/arabic/about_malaysia.php">http://www.bernama.com.my/arabic/about_malaysia.php</a>	Promosi tentang negeri-negeri di Malaysia. Tempat-tempat rekreasi, membeli belah, bangunan bersejarah
6	<a href="http://www.swissgarden.com/hotel/sikl/default.asp">http://www.swissgarden.com/hotel/sikl/default.asp</a>	Perhotelan: Promosi Swiss-Garden International (hotel, resort, inn)
7	<a href="http://www.aliatours.com.jo/outbound_arabic.htm">http://www.aliatours.com.jo/outbound_arabic.htm</a>	Agensi pelancongan: Menguruskan acara melancong ke 1) Bangkok dan Patayya serta 2)Kuala Lumpur dan Penang
8	<a href="http://www.syahya.com.sa/arabic/index.html">http://www.syahya.com.sa/arabic/index.html</a>	Promosi hotel dan resort, tempat peranginan, restoran dan cafetaria

(Sumber rujukan: borang soal selidik)

Selain daripada laman web khusus tentang pelancongan di Malaysia, terdapat juga pelbagai web yang menerangkan pelancongan di negara-negara Arab dan dunia

9	<a href="http://www.qassimy.com/iqtsad.htm">http://www.qassimy.com/iqtsad.htm</a>	Bidang hartanah, pusat perniagaan dan membeli belah, bank dan saham.
10	<a href="http://www.majdah.com/vb/showthread.php?t=26671">http://www.majdah.com/vb/showthread.php?t=26671</a>	Makanan : Jenis-jenis makanan yang terkenal di Malaysia
11	<a href="http://www.malaysiagate.com/info.htm">http://www.malaysiagate.com/info.htm</a>	Penerangan tentang Malaysia: Promosi tentang ekonomi, makanan, pusat membeli belah, perkhidmatan pengangkutan di Malaysia serta Wawasan 2020
12	<a href="http://www.customs.gov.eg/appl_2.html">http://www.customs.gov.eg/appl_2.html</a>	Penerangan tentang kastam di Mesir: Pengenalan tentang kastam, syarat serta undang-undang berkaitan dengan kastam, export dan import barangan, kereta serta perniagaan, ensiklopedia tentang kastam
13	<a href="http://www.rayy.com">www.rayy.com</a>	Tempat bersejarah
14	<a href="http://www.ayna.com">www.ayna.com</a>	Tempat menarik
15	<a href="http://www.arabscave.com">www.arabscave.com</a>	Tempat menarik
16	<a href="http://www.alshamsi.com">www.alshamsi.com</a>	Tempat menarik
17	<a href="http://www.khamiscity.com">www.khamiscity.com</a>	Dunia
18	<a href="http://www.almamlkh.net">www.almamlkh.net</a>	Arab
19	<a href="http://www.arabtravel.com">www.arabtravel.com</a>	Dunia
20	<a href="http://www.travel4arab.com">www.travel4arab.com</a>	Dunia
21	<a href="http://www.ArabMalaysia.com">www.ArabMalaysia.com</a>	Malaysia
22	<a href="http://www.bernama.com/arabic">www.bernama.com/arabic</a>	Tempat untuk dilawati
23	<a href="http://www.bab.com">www.bab.com</a>	Pelancongan di negara arab

dengan menggunakan bahasa Arab. Langkah yang perlu dilakukan kepada bahan-bahan seperti ini ialah mengolah kembali ayat-ayat dan laras bahasa tersebut bagi menerangkan situasi di Malaysia. Laras bahasa Pelancongan boleh didapati dengan mudah melalui web-web seperti ini. Pengubahsuaian perlu dilakukan bagi situasi yang dikehendaki.

## PENUTUP

Kertas ini menunjukkan betapa pentingnya bahan yang dipilih melalui internet untuk pengajaran bahasa Arab. Internet merupakan satu-satunya chanel untuk mendapatkan pelbagai bahan bahasa Arab untuk dijadikan bahan pengajaran. Pelajar perlu didedahkan dengan internet bagi membantu mereka dalam penguasaan bahasa. Hasil daripada carian yang dilakukan melalui pelbagai laman web utama yahoo dan google menunjukkan bahawa bahan-bahan dalam bahasa Arab untuk pengajaran bahasa Arab khususnya pelancongan di Malaysia adalah mencukupi dan boleh dijadikan bahan pengajaran dan rujukan. Ia perlu didedahkan dan disediakan berbentuk bahan pengajaran dan rujukan dalam proses pengajaran. Internet dengan pelbagai web bahasa Arab yang sedia ada dapat membekalkan bahasa, bahan-bahan pengajaran dan rujukan bagi pengajaran bahasa Arab khususnya untuk tujuan pelancongan di Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Muhamad al Ma'tuq (1996) *al Khasilah al Lughawiyah Alam Ma'rifah*. Kuwait: I.S.P. Nation (1990) *Teaching and Learning Vocabulary*. USA : Heinle & Heink Publisher
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2003) *al Lughah al Arabiyyah al Ittisaliyyah*. Kuala Lumpur: DBP.
- Rosni bin Samah & Zainur Rijal bin Abdul Razak( 2006) Pendekatan Pengajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Pelancongan, Prosiding 5<sup>th</sup> Language For Specific Purpose, International Seminar, UTM, Johor Bahru.
- Virginia French Allen (1993) *Techniques in Teaching Vocabulary: Oxford American English*. Oxford University Press.
- Zakariyya Ismail, (1995) *Turuq al Tadris al Lughah al arabiyyah*. Dar al Ma'rifah. Mesir.